

Orang bandar diseru contohi masyarakat UM 14 SEP 1987 kampung

KUALA LUMPUR 13 Sept. — Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini menyeru masyarakat bandar supaya mencontohi semangat kejiranan yang ditunjukkan oleh masyarakat kampung kerana hanya melalui cara tersebut mereka boleh mengeratkan persahabatan. Perdana Menteri menegaskan amalan-amalan seperti saling tukar-menukar lauk pauk atau kuih muih yang dimasak di antara jiran hendaklah diteruskan dan dijamin oleh semua pihak. "Kita tidak mahu sikap tidak mempedulikan jiran terus berlaku hingga kita dengar cerita ada orang membawa lori untuk merompak barang-barang sebuah rumah tapi oleh kerana jirannya tidak kenal siapa yang tinggal di rumah sebelah maka disangkanya orang berkenaan sedang berkemas-kemas untuk berpindah," kata Perdana Menteri semasa berucap melancarkan **Papan Tanda Kejiranan** anjuran Jabatan Perpaduan Negara dan Public Bank Berhad di Bandar Tun Razak hari ini.

**PM:
Semangat
kejiranan
mereka boleh
eratkan
persahabatan**

Menurut Perdana Menteri, sikap tidak mengenali siapa yang tinggal di sebelah rumah hendaklah dikikiskan dan sebaliknya semua orang hendaklah mewujudkan kemesraan dengan jiran tetangga sebagaimana yang dilakukan di kampung-kampung. "Di kampung bila ada kenduri kahwin atau kematian kita boleh mengharapkan

semua penduduk kampung menghadiri majlis tersebut dan sanggup menolong hingga tuan rumah tidak perlu mencari tukang masak atau keterer. "Ada pula yang datang bukan sahaja untuk menghadiri majlis tapi membawa makanan atau buah tangan. "Semangat tolong menolong dan kekeluargaan ini amat penting untuk semua lapisan masyarakat tak kira kita Melayu, Cina, India, Bajau, Kadazan ataupun Iban," kata Perdana Menteri. Dalam hubungan ini Perdana Menteri berkata, dakwaan kononnya anak kepada satu keluarga di Baling telah mati kebuluran seperti yang didakwa oleh pihak tertentu pada tahun 1974 adalah tidak benar.

"Mustahil dalam sesebuah kampung penduduknya akan membiarkan jiran mereka kebuluran. "Kita tahu di kampung bila kita pergi rumah orang semasa mereka sedang makan kita juga akan dijemput untuk makan bersama," tambah beliau. Mengenai kerjasama dan persefahaman jiran yang terdiri daripada pelbagai kaum, Datuk Sri Dr. Mahathir berkata mereka hendaklah mengenyepikan apa

juga perbezaan yang ada dan menumpukan perhatian kepada nilai-nilai persamaan.

Perdana Menteri mengesyorkan supaya nilai-nilai persefahaman antara kaum dan semangat kejiranan ini dipupuk di kalangan kanak-kanak kerana kanak-kanak dilahirkan tanpa prejudis. Katanya, jika kanak-kanak diajar nilai-nilai ini maka mereka akan dapat memahami segala pantang larang, nilai hidup dan kebudayaan masing-masing dan mereka tidak akan melakukan perkara-perkara yang boleh menyinggung perasaan orang lain.

Pupuk perpaduan

Perdana Menteri menyeru semua pihak termasuk para dermawan supaya mencontohi sikap Public Bank dalam usaha memupuk perpaduan dan semangat kejiranan. Bank tersebut menaja sebanyak 18 papan tanda kejiranan yang menelan belanja \$50,000. Papan-papan tanda itu yang mengandungi slogan 'Jiran Tetangga Sahabat Kita' akan didirikan di tempat-tempat strategik di seluruh negara.